

11/05/2005

UiTM-IFTDO

UiTM, UNIVERSITI PERTAMA DIPILIH TUAN RUMAH IFTDO 2006

SHAH ALAM, 11 Mei (Bernama) -- Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan diberikan penghormatan untuk menjadi tuan rumah Persidangan dan Pameran Sedunia Persekutuan Organisasi Latihan dan Pembangunan (IFTDO) Ke-35 pada 2006.

Naib Canselor Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah berkata UiTM dipilih sebagai universiti pertama untuk menjadi tuan rumah acara itu berdasarkan prestasi cemerlangnya dalam pendidikan tinggi di peringkat dunia.

Beliau berkata UiTM dan pengurus persidangan dan pameran itu, SFR Consultants Sdn Bhd, sedang menunggu pengesahan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menjadi penaung persidangan itu.

"Datuk Seri Abdullah dijangka menyampaikan ucaptama, manakala bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad akan membentangkan kertas kerja pada persidangan itu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Tema persidangan itu ialah 'Pendidikan & Latihan Berharmoni'.

Sementara itu, bekas presiden IFTDO Helmi Sallam berkata persidangan itu akan membantu memperbetulkan persepsi dan imej negara-negara Islam.

Diasaskan di Switzerland pada 1972, IFTDO membangunkan dan mengekalkan rangkaian di seluruh dunia, komited untuk mengenal pasti, membangunkan dan memindahkan pengetahuan, kemahiran dan teknologi untuk meningkatkan pertumbuhan peribadi dan organisasi, prestasi manusia, produktiviti dan pembangunan mampan.

Ia mewakili 500,000 profesional dari 150 organisasai anggota dari lebih 50 negara.

Kira-kira 3,000 peserta dijangka mengambil bahagian dalam persidangan tiga hari itu.

-- BERNAMA

EFS SHS RHM